

# Mahasiswa UMS bantu bersihkan kawasan dilanda banjir

KOTA KINABLU: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah sekali lagi tampil menghulurkan bantuan melalui aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswi (YSS) dan Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (Maskum) baru-baru ini.

Seramai 100 mahasiswa UMS yang diketuai oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Fandyi Sanizan Jurup telah terlibat dalam aktiviti selama dua hari bagi membersihkan beberapa kawasan di daerah Beaufort yang terjejas teruk akibat banjir pada pertengahan Februari.

Hari pertama menyaksikan para sukarelawan membersihkan kawasan gerai makanan serta kawasan jambatan Pekan Beaufort yang menjadi tumpuan utama para penduduk yang bertandang ke pekan itu.

Pembersihan yang dilaksanakan meliputi pembersihan lumpur dan pengutipan sampah sarap yang dibawa arus banjir.

Hari kedua pula para sukarelawan bergotong royong membersihkan



persekitaran Kampung Suasa Gadong yang turut dipenuhi lumpur akibat banjir berkenaan.

Di kampung tersebut, mahasiswa UMS telah membersihkan kawasan Surau serta beberapa kawasan lain dalam usaha membantu meringankan beban penduduk di situ.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur ketika ditemui berkata, penglibatan para pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan seumpama itu amat bertepatan dalam melatih dan memberi pendedahan kepada mereka untuk menyumbang bakti

kepada masyarakat.

"Ia juga sebagai salah satu usaha pihak universiti untuk memasyarakatkan mahasiswa," ujar beliau yang juga Timbalan Pengerusi Maskum.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan, Datuk Kamarlin Hj Ombi, Setiausaha Sulit Ahli Parlimen Beaufort, Faizal Arshad dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Mohd Raffie Hj Janau.

Kumpulan sukarelawan yang melibatkan mahasiswa UMS ini juga akan mengadakan aktiviti sama di Tenom dan Keningau selepas ini.

DE 27-2-2014

6  
**AKTIVITI  
membersihkan  
persekitaran  
Kampung  
Suasa Gadong.**